



Pengurusan Ekonomi Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Ketika Belanjawan 2001 disediakan tahun lepas, suasana ekonomi global masih tidak menentu terutamanya tentang sejauh mana dan selama manakah kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) akan berlanjutan. Pada masa itu, dijangkakan bahawa pemulihan awal akan bermula pada suku keempat tahun 2000. Bagaimanapun, menjelang akhir 2000, aktiviti ekonomi global semakin lembab, lebih-lebih lagi di AS. Semenjak suku tahun kedua tahun ini, semakin terbukti bahawa kelembapan tersebut bukan sahaja berterusan dan meruncing tetapi kesannya menular ke ekonomi negara lain. Serangan ke atas AS baru-baru ini telah menjadikan prospek pemulihan awal semakin tidak menentu.

Ekonomi Malaysia telah pulih daripada krisis kewangan Asia 1997 dan berada di atas landasan pertumbuhan yang semakin kukuh. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar yang mulai positif sejak suku kedua 1999, terus meningkat teguh untuk tujuh suku tahun berturut-turut hingga ke tahun 2001. Dengan latar belakang sedemikian dan berasaskan andaian akan terdapat pemulihan awal ekonomi global, teras strategi utama Belanjawan 2001 adalah ke arah merangsang pertumbuhan dalam negeri dan meningkatkan daya saing di samping mempertingkatkan kualiti hidup rakyat sejajar dengan agenda masyarakat penyayang.

Merangsang Pertumbuhan Ekonomi

Dasar Fiskal

Pengembangan dalam permintaan agregat pada 2001 dijangka didorong secara meluas oleh sektor

awam dan swasta. Bagaimanapun, prestasi sektor swasta yang lebih perlahan daripada jangkaan, akibat daripada impak sektor luar yang kurang menggalakkan, memerlukan sektor awam mengambil langkah rangsangan fiskal untuk mendorong permintaan dalam negeri. Sehubungan ini, peruntukan bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah ditingkatkan sebanyak 7.8% daripada RM84,500 juta pada 2000, kepada RM91,050 juta pada tahun 2001. Dalam tahun ini juga, sebagai tindak balas terhadap kelembapan ekonomi global yang melampaui jangkaan serta kesan buruknya terhadap prestasi eksport negara, Kerajaan telah mengumumkan pakej pre-emptive pada Mac 2001 bertujuan untuk merangsang permintaan dalam negeri. Di bawah pakej ini, perbelanjaan Kerajaan telah ditambah sebanyak RM3 bilion sebagai menyokong langkah pengembangan yang diambil ketika Belanjawan 2001 diumumkan dalam bulan Oktober 2000.

Rangsangan fiskal untuk menggalakkan permintaan dalam negeri turut meliputi langkah-langkah cukai dan bukan cukai. Bagi meningkatkan lagi pendapatan boleh guna dan menggalakkan penggunaan, rebat cukai yang lebih besar telah diberikan. Rebat individu telah ditingkatkan daripada RM110 kepada RM350, manakala bagi isteri daripada RM60 kepada RM350. Rebat ini dijangka memberi faedah kepada sejumlah 1.25 juta orang dan meletakkan kira-kira RM434 juta ke tangan pembayar cukai. Langkah untuk mengaktifkan permintaan dalam negeri juga termasuk mengurangkan sumbangan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan menghapuskan cukai ke atas kad kredit untuk menggalakkan perbelanjaan. Bagi menggalakkan jualan kenderaan, kakitangan

kerajaan dibenarkan memohon pinjaman kenderaan sekali dalam tempoh lima tahun berbanding tujuh tahun sekali sebelum ini. Untuk menggalakkan jualan hartanah, pengecualian duti setem diberi terhadap perjanjian jual-beli, pindah milik dan pinjaman, manakala bagi kakitangan kerajaan, pengecualian yuran pemprosesan juga telah diberikan sehingga akhir 2001 bagi pembelian hartanah yang telah siap. Pada masa yang sama, kelayakan pinjaman perumahan bagi kakitangan kerajaan telah dinaikkan. Elaun kritikal juga telah ditambah bagi doktor dan jururawat, guru besar dan pengetua manakala insentif dan elaun makan telah diberikan atau dinaikkan bagi kakitangan tentera dan polis.

Dasar Monetari

Teras dasar monetari bagi tahun 2001 terus memberi tumpuan ke arah melengkapkan rangsangan fiskal untuk menyokong aktiviti ekonomi. Berikutan persekitaran luar yang kurang memberangsangkan, terutamanya pertumbuhan ekonomi AS dan Jepun yang perlahan pada awal tahun, pelaksanaan dasar monetari yang lebih longgar adalah perlu untuk membendung tren menurun dalam permintaan luar. Pendekatan dasar ini telah dibantu oleh suasana inflasi dan kadar faedah global yang rendah. Mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan membantu mengekalkan kadar faedah pada paras yang rendah bagi memastikan pembiayaan aktiviti ekonomi pada kos yang berpatutan. Walaupun kadar faedah rendah, para pendeposit terus menikmati kadar pulangan benar simpanan yang positif.

Sektor perbankan mengembangkan aktiviti pembiayaan mereka melalui pinjaman dan pembiayaan sekuriti hutang swasta (PDS), yang telah meningkat sebanyak 4% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini. Aktiviti pembiayaan adalah meluas, meliputi pinjaman untuk pembelian harta kediaman, sektor perkilangan, perniagaan borong dan pembelian kenderaan penumpang. Dalam pada itu, langkah terus diambil untuk memperbaiki pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang merupakan satu sektor penting dalam ekonomi.

Di pasaran tukaran asing, ringgit yang ditetapkan nilainya berbanding dolar AS sejak bulan

September 1998, terus kukuh berbanding kebanyakan mata wang utama serantau, selaras dengan kekukuhan nilai dolar AS dalam tujuh bulan pertama tahun 2001. Dengan penetapan nilai tersebut, pergerakan nilai ringgit juga mencerminkan pergerakan nilai dolar AS. Dengan itu, sejak 11 September ringgit telah mengalami kemerosotan antara 0.2% hingga 3% berbanding mata wang utama dan serantau, berikutan kelemahan nilai dolar AS. Namun begitu, penetapan nilai ringgit ini akan dipantau dengan teliti mengikut perkembangan dalam dan luar negara bagi memastikan ringgit terus kekal dengan asas makroekonomi. Sementara itu, penetapan nilai ringgit ini terus menyediakan persekitaran yang stabil dan mudah dijangka untuk membantu merencanakan aktiviti ekonomi.

Pasaran Modal

Pada amnya, pasaran ekuiti pada 2001 masih kurang menggalakkan seiring dengan pasaran utama dan serantau yang bimbang dengan kelembapan ekonomi global. Pada Julai dan Ogos, pasaran ekuiti mulai pulih, tetapi tren menaik ini telah tergugat oleh serangan ke atas AS pada bulan September dan menyebabkan kejatuhan mendadak harga saham di seluruh dunia. Pasaran bon, bagaimanapun, terus berkembang pada tahun 2001, menggambarkan bahawa ia semakin penting sebagai alternatif kepada pembiayaan dalam sistem perbankan. Sehubungan ini, Suruhanjaya Sekuriti (SC) sebagai pengawalselia tunggal pasaran bon, terus mengambil langkah untuk menggalakkan pasaran bon, terutamanya terbitan hutang secara Islam dan sekuriti hutang disokong aset. Terbitan PDS Islam semakin meningkat, menggambarkan bahawa ia semakin diterima dan menyumbang 37% kepada keseluruhan terbitan baru PDS yang diluluskan oleh SC pada separuh pertama 2001 (2000: 25%). Bagaimanapun, terbitan sekuriti hutang disokong aset masih belum meningkat. Selain itu, pindaan telah dibuat ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti, bertujuan untuk mewujudkan regim pengawalseliaan yang cekap untuk perolehan modal yang lebih berkesan dan sejajar dengan perkembangan pasaran saham sebagai pusat perolehan dana yang utama untuk syarikat-syarikat tempatan.

Ekonomi Berasaskan Pengetahuan

Menyedari bahawa teknologi, kemahiran dan inovasi merupakan pemacu utama untuk merangsang pertumbuhan pada masa hadapan, Belanjawan 2001 telah mengukuhkan lagi strategi untuk mengubah ekonomi berasas-pengeluaran kepada ekonomi berasas-pengetahuan. Ekonomi berasas-pengetahuan atau K-ekonomi memperkenalkan strategi untuk menjana dan menggunakan sepenuhnya pengetahuan bagi mewujudkan nilai baru dalam ekonomi, yang dapat menyumbang kepada peningkatan jumlah produktiviti faktor dan meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang. Bagi membolehkan peralihan ke ekonomi baru dan juga untuk menangani cabaran semasa, Kerajaan telah merangka Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan pada tahun 2000. Pelan Induk yang baru disiapkan ini merupakan pendekatan menyeluruh dan menggariskan strategi utama untuk mengubah ekonomi supaya menjadi lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Langkah-langkah untuk mempercepatkan lagi proses peralihan Malaysia kepada K-ekonomi memberi tumpuan kepada usaha untuk menarik best brains ke negara ini bagi mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia dan meningkatkan tahap celik komputer dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui penggunaan komputer yang lebih meluas. Ke arah ini, rakyat Malaysia di luar negara yang mempunyai kemahiran yang diperlukan telah diberi insentif untuk kembali, terutamanya pemberian taraf penduduk tetap kepada pasangan dan anak-anak serta pengecualian cukai ke atas barang persendirian dan pendapatan yang dibawa masuk ke negara ini. Menjelang pertengahan September 2001, daripada 356 permohonan ahli profesional yang bekerja di luar negara, 122 telah diluluskan meliputi bidang kewangan, industri, ICT dan perubatan.

Bagi meningkatkan tahap celik komputer, daripada 4,400 buah sekolah yang dikenalpasti untuk dilengkapi dengan makmal komputer, pembinaan 50 projek telah siap dibina, 1,354 masih di pelbagai peringkat pembinaan dan selebihnya di peringkat perancangan. Untuk meningkatkan tahap kecapaian kepada kemudahan komputer selaras dengan dasar satu-komputer-satu-

keluarga, Akta KWSP telah dipinda, membolehkan pengeluaran dibuat untuk membeli komputer. Sehingga akhir bulan Ogos, KWSP telah meluluskan 467,832 permohonan berjumlah RM1,555 juta. Kakitangan awam juga mengambil kesempatan terhadap kemudahan pinjaman yang lebih fleksibel yang membenarkan pembelian komputer sekali setiap lima tahun berbanding sekali sahaja sebelumnya.

Membangunkan Industri ICT dan Modal Teroka

Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) menandakan permulaan inisiatif ke arah pembangunan K-ekonomi. Sebagai usaha untuk menggalakkan pembangunan syarikat ICT bertaraf dunia, pelbagai insentif telah disediakan bagi menarik syarikat-syarikat ICT ke MSC. Sehingga September, 563 syarikat telah diberikan taraf MSC, termasuk 48 syarikat bertaraf dunia, melebihi sasaran sebanyak 500 syarikat dan mendahului jadual yang ditetapkan pada tahun 2003. Sehingga kini, syarikat-syarikat tersebut telah melabur RM6 bilion sementara eksport mereka telah meningkat lebih enam kali ganda daripada USD19 juta pada 1997 kepada USD127 juta pada 2000 dan dianggarkan meningkat lagi kepada USD260 juta pada tahun ini. Selain itu, syarikat-syarikat ini juga telah membelanjakan 26% daripada keseluruhan perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dari segi menjana pekerjaan, 11,911 pekerja telah diambil bekerja. Daripada jumlah tersebut, 82.6% atau 9,842 merupakan pekerja-pengetahuan (K-workers) pada 2000. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 14,438 dalam tahun 2001 di mana 12,169 adalah K-workers.

Perkembangan seterusnya dalam memupuk sinergi ialah penambahan aplikasi perdana kelapan iaitu Pembangunan Technopreneur. Rangkaian inkubator yang didirikan melalui aplikasi perdana ini dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan technopreneurship.

Pembiayaan bagi memulakan penggunaan teknologi tinggi baru yang berasaskan pengetahuan dan idea untuk PKS memerlukan kaedah yang berlainan dan yang lebih kreatif. Pinjaman bank secara tradisi yang berasaskan

EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN: LANGKAH KE HADAPAN

Pengenalan

Dunia semakin cepat menuju ke arah pasaran global tanpa sempadan kesan kemajuan yang pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ekonomi global adalah bercirikan penyerapan teknologi, pencapaian maklumat, pergerakan modal dan permintaan pengguna yang semakin canggih. Oleh yang demikian, persaingan dalam persekitaran semasa adalah semakin didorong oleh ilmu pengetahuan. Pertumbuhan dan kekayaan sesebuah ekonomi semakin dipacu oleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan kreativiti tenaga kerja, seperti yang telah dibuktikan oleh pengalaman negara maju.

Bagi Malaysia, keperluan untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan merupakan satu strategi untuk mengekalkan pertumbuhan yang tinggi serta terus berdaya saing bagi mencapai Wawasan 2020. Peralihan negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dipengaruhi oleh cabaran akibat daripada peningkatan globalisasi serta kebimbangan terhadap persaingan sengit daripada negara yang mempunyai lebih tenaga buruh dengan upah yang rendah. Peralihan ini adalah sebahagian daripada rancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpengetahuan tinggi menjelang tahun 2020.

Memahami Ekonomi Berasaskan Pengetahuan

Sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan, kreativiti dan inovasi memainkan peranan yang penting dalam ekonomi berasaskan pengetahuan untuk menjana dan mengekalkan pertumbuhan. Walaupun faktor pengeluaran tradisional akan kekal penting, pengetahuan kini menjadi faktor utama dalam menjana pertumbuhan dengan mewujudkan nilai tambah serta meningkatkan produktiviti dan daya saing. Sumber manusia merupakan teras ekonomi berasaskan pengetahuan dengan keupayaan untuk mencipta, memperbaharui dan mengkomersilkan pengetahuan maklumat, sementara ICT adalah alat penggerak utama bagi memudahkan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Pada amnya, kesemua sektor ekonomi semakin berasaskan pengetahuan melalui strategi yang didorong oleh produktiviti bagi menggalakkan penggunaan pengetahuan berbanding strategi yang didorong oleh input yang melibatkan peningkatan modal atau buruh.

Ekonomi berasaskan pengetahuan terdiri daripada dua jenis industri pengetahuan yang penting: kategori pertama merangkumi industri dengan pengetahuan sebagai produk utama dan kategori kedua merupakan industri yang mengurus, memproses dan menyebarkan maklumat. Kategori pertama merangkumi industri perisian, bioteknologi dan perkakasan teknologi maklumat, serta merangkumi pekerjaan seperti jurutera, saintis, pengaturcara komputer dan pereka bentuk, di mana hasil utama penyelidikan adalah untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru. Kategori kedua pula melibatkan industri telekomunikasi, perbankan, insurans, perundangan, perubatan, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan. Pekerjaan dalam kategori ini meliputi pengurus, jurubank, akauntan, doktor dan guru. Industri-industri ini lazimnya perlu mengendalikan dan mengurus maklumat secara berkesan, dan bukannya mempelopori dalam bidang ilmu pengetahuan.


Kedudukan Semasa

Malaysia mula meletakkan asas ekonomi berlandaskan pengetahuan pada pertengahan tahun 1990. Antara langkah-langkah yang diambil, termasuk pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merupakan agenda fasa pertama ekonomi berasaskan pengetahuan. Sementara itu, usaha yang berterusan telah diambil untuk meningkatkan keupayaan beberapa bidang penting bagi memastikan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Ini termasuklah pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi (S&T), penyelidikan dan pembangunan (R&D), infrastruktur dan infostruktur serta insentif dan pembiayaan. Pada masa yang sama, dengan adanya infrastruktur dan infostruktur

bertaraf dunia yang komprehensif, MSC dapat menawarkan persekitaran ICT yang terbaik dan kondusif untuk menerajui pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, terutamanya dalam menarik pekerja berpendidikan dan industri berteknologi tinggi. Setakat ini, MSC telah menarik sejumlah 563 buah syarikat, termasuk 48 syarikat bertaraf dunia. MSC juga mempromosi beberapa aplikasi perdana, termasuk kerajaan elektronik, sekolah pintar, kad pelbagai guna dan telekesihatan serta aplikasi perdana baru, iaitu pembangunan technopreneur .

Dalam menilai kesediaan Malaysia maju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, Indeks Pencapaian Teknologi (TAI) oleh United Nations Human Development Report 2001 telah meletakkan Malaysia di kalangan peneraju yang berpotensi dalam bidang teknologi dengan menduduki tangga ke-30 daripada sejumlah 72 negara. Indeks ini telah mentakrifkan peneraju teknologi yang berpotensi dalam bidang teknologi sebagai negara-negara yang telah membuat pelaburan dalam kemahiran sumber manusia peringkat tinggi dan menyebarkan teknologi lama yang kurang berinovasi secara meluas. Indeks Pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (KDI) yang telah dirangka oleh Unit Perancang Ekonomi, telah meletak Malaysia di kedudukan ke-17 di antara negara maju dan membangun. KDI telah menunjukkan pencapaian Malaysia adalah lebih baik dari segi infrastruktur telekomunikasi dan tahap celik huruf tetapi perlu meningkatkan usaha untuk memperbaiki enrolmen pendidikan tinggi, R&D dan penggunaan komputer, khususnya sambungan Internet.

RODA PENGETAHUAN, 2000: MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT



Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan

Dalam pembentangan Belanjawan 2000, Kerajaan telah melancarkan projek bagi menyediakan Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan dan menegaskan perlunya berlaku perubahan paradigma daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Inisiatif lanjut untuk menggalakkan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2001. Antara lain, insentif ini termasuk insentif cukai untuk menggalakkan penggunaan ICT, pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer dan penubuhan Malaysia Venture Capital Management (MAVCAP) di Kementerian Kewangan untuk menguruskan dana modal teroka baru sejumlah RM500 juta, bertujuan untuk menggalakkan pembiayaan penubuhan industri berteknologi tinggi.

Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan menggariskan tujuh teras strategik yang merangkumi 155 perakuan untuk mempercepatkan pembangunan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Ketujuh-tujuh teras strategik dengan ciri-ciri penting adalah seperti berikut:

- i. Memupuk dan memperolehi sumber manusia yang perlu
 - Meningkatkan pembangunan sumber manusia untuk membina sumber manusia berasaskan pengetahuan. Penekanan diberikan kepada pendidikan, latihan dan latihan semula serta pembelajaran sepanjang hayat, terutamanya untuk meningkatkan taraf celik komputer.
 - Melaksanakan program Brain Gain bertujuan untuk memanggil pulang rakyat Malaysia yang berkelayakan dan menarik pekerja asing yang berkemahiran tinggi untuk berkhidmat di Malaysia.
- ii. Menubuhkan institusi untuk menggerakkan ekonomi berasaskan pengetahuan
 - Menubuhkan institusi yang boleh menggerakkan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Sehubungan ini, sebuah Majlis Kebangsaan Pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan telah dicadangkan untuk menggembelng usaha serta memantau kemajuan ke arah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.
- iii. Memastikan infostruktur dan infrastruktur yang perlu
 - Memperbaiki infrastruktur komunikasi dan multimedia seperti kemudahan komputer, lebar jalur tinggi yang bersepadu dan sambungan Internet, makmal komputer serta pusat pembelajaran Bahasa Inggeris.
 - Meningkatkan infostruktur seperti rangkaian, kandungan tempatan, insentif dan perundangan untuk membentuk persekitaran yang membolehkan penyediaan infrastruktur.
- iv. Meningkatkan kapasiti S&T
 - Meningkatkan kapasiti S&T dari segi menambah penawaran tenaga kerja dan menggalakkan penghayatan terhadap sains di sekolah dan di peringkat pendidikan tinggi. Ini adalah bertujuan membangunkan inovasi dan kemahiran kreatif.
 - Meningkatkan R&D dari segi penambahan peruntukan dan memupuk kerjasama antara institusi penyelidikan, universiti dan industri untuk mencipta dan mengkomersilkan pengetahuan dan teknologi.
- v. Sektor swasta menerajui ekonomi berasaskan pengetahuan
 - Sektor swasta akan terus kekal sebagai enjin pertumbuhan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.
 - Menggalakkan penggunaan e-dagang, terutamanya di kalangan industri serta perusahaan kecil dan sederhana.
 - Membangunkan kemahiran keusahawanan sektor swasta bagi menggalakkan aktiviti ekonomi yang baru.

vi. Membangunkan perkhidmatan awam berasaskan pengetahuan

- Perkhidmatan awam akan terus menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dari segi menyediakan kepimpinan, penggubalan dasar dan strategi, pelaksanaan program, pengawalseliaan ekonomi dan menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.
- Keutamaan diberikan kepada pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, terutamanya menyemai budaya yang mementingkan inovasi, memperbaiki kebolehan berbahasa Inggeris dan meningkatkan penyerapan serta penggunaan ICT.

vii. Merapatkan jurang pengetahuan dan digital

- Memastikan ekonomi berasaskan pengetahuan tidak membesarkan jurang antara pelbagai lapisan masyarakat.
- Melengkapkan rakyat dengan pengetahuan dengan menyediakan peluang pendidikan.
- Meningkatkan kemampuan rakyat untuk memperolehi komputer dan laluan Internet.
- Menangani masalah jurang digital antara kaum, bandar dan desa, jantina serta golongan kurang bernasib baik.

Kesimpulan

Ekonomi berasaskan pengetahuan adalah penting untuk negara terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan kekal berdaya saing di peringkat global. Pengalaman negara-negara maju telah membuktikan bahawa pembangunan dan kekayaan didorong oleh pengetahuan. Walaupun pelbagai langkah telah dan terus diambil untuk maju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, usaha bersepadu untuk mempercepatkan peralihan ini perlu dilaksanakan, terutamanya dalam pembangunan sumber manusia, S&T, R&D, infrastruktur, infostruktur serta pengurangan jurang digital dalam menganjak ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

kolateral mungkin tidak sesuai untuk aktiviti berasaskan idea bernas atau kolateral tidak nyata. Pembiayaan modal teroka menyediakan alternatif yang baik kepada pembiayaan tradisional memandangkan modal teroka menyediakan modal asas pada peringkat permulaan dan bertindak sebagai business angels untuk pertumbuhan sektor yang berisiko tinggi. Untuk mengurangkan jurang pembiayaan, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan dana modal teroka berjumlah RM500 juta dalam Belanjawan 2001. Dana ini telah disalurkan kepada syarikat Kerajaan yang baru ditubuhkan, iaitu Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) dalam bentuk pinjaman mudah tanpa faedah untuk tempoh 10 tahun. MAVCAP akan melaksanakan mandat strategik Kerajaan untuk menggerakkan pembangunan dan penguasaan innopreneur dan technopreneur untuk menjana kekayaan dalam

K-ekonomi dan juga pembangunan industri modal teroka. MAVCAP dijangka melancarkan kemudahan pembiayaannya di pasaran pada Oktober 2001. MAVCAP sedang berunding untuk memperolehi RM1.9 bilion pinjaman mudah daripada Jepun sebagai sumber tambahan kewangannya. Sebahagian besar pembiayaan akan digunakan untuk hutang teroka seperti pinjaman berasaskan projek, jaminan bank dan pembiayaan eksport untuk industri ICT dan sektor berpotensi tinggi. Syarat-syarat untuk mendapatkan kemudahan pinjaman ini adalah fleksibel serta kurang ketat dan kolateral tidak diperlukan.

Kerajaan juga telah mewujudkan Dana Modal Teroka untuk Perolehan Teknologi (VCTA), berjumlah RM190 juta bagi membiayai aktiviti berkaitan dengan modal teroka dan perolehan

teknologi. Dana ini disalurkan melalui syarikat Kerajaan yang baru ditubuhkan, iaitu Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB) dalam bentuk pinjaman mudah tanpa faedah untuk tempoh 10 tahun. KMPSB akan terlibat dalam membentuk pelan induk dan mengurus program berhubung kait dengan pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Ia juga akan memainkan peranan dalam menyediakan pelaburan modal permulaan untuk industri berpotensi tinggi dan berteknologi tinggi, melibatkan diri dalam pembesaran syarikat, mengenalpasti peluang pelaburan untuk Malaysia dan juga membawa masuk teknologi luar yang bersesuaian ke Malaysia.

Bagi memudahkan syarikat ICT mendapatkan dana dari pasaran modal, syarat-syarat penyenaian Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation (MESDAQ) telah dilonggarkan. Syarat supaya 70% daripada perolehan penyenaian digunakan di Malaysia telah diganti dengan syarat baru. Di bawah syarat baru tersebut, pemohon dikehendaki membuktikan faedahnya kepada Malaysia sekiranya lebih 50% hasil penyenaian itu digunakan di luar Malaysia. Pada akhir Ogos 2001, terdapat empat buah syarikat disenaraikan di bawah MESDAQ, manakala tujuh buah syarikat lagi telah diluluskan untuk penyenaian.

Meningkatkan Daya Saing Negara

Mengukuhkan Sistem Kewangan

Kerajaan meneruskan usaha untuk mengukuhkan sistem kewangan bertujuan untuk mewujudkan sektor kewangan yang lebih berdaya saing, kukuh dan berdaya tahan. Pelan Induk Pasaran Modal telah dilancarkan pada 22 Februari manakala Pelan Induk Sektor Kewangan pula pada 1 Mac 2001. Kedua-dua pelan induk ini merangka arah strategik pasaran saham dan sektor kewangan untuk 10 tahun akan datang, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, daya tahan dan daya saing dalam persekitaran yang semakin global dan bersepadu. Pelan induk ini merangkumi program perubahan untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Kemajuan telah dicapai dalam usaha menstruktur semula sektor kewangan selaras dengan objektif

untuk meningkatkan keupayaan dalam negeri bagi membina satu kumpulan institusi dalaman yang kukuh. Penggabungan bank telah dilaksanakan dengan jayanya. Sehingga akhir September 2001, 52 daripada 54 institusi perbankan dalam negeri telah digabungkan kepada 10 kumpulan bank. Hasilnya, sebanyak 98% daripada keseluruhan aset sektor perbankan dalam negeri telah dirasionalisasi dan digabungkan. Baki dua buah lagi institusi perbankan dijangka dapat memuktamadkan perbincangan mereka tidak lama lagi.

Kedudukan modal sistem perbankan terus kukuh dengan dana modal baru yang diperlukan dapat ditingkatkan kepada RM2,000 juta untuk kumpulan bank dalam negeri dan RM300 juta untuk bank asing yang didaftarkan dalam negeri. Sehingga akhir Ogos 2001, sembilan kumpulan bank dan lapan institusi perbankan asing telah menepati keperluan ini. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 12.6% pada akhir Ogos 2001 (akhir-2000: 12.3%), jauh melebihi keperluan minimum *Basle* sebanyak 8%. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) mengikut klasifikasi 6-bulan yang berada pada 6.3% pada akhir 2000, telah meningkat kepada 8.3% pada akhir Ogos, berikutan kelembapan aktiviti ekonomi dan klasifikasi semula NPL. Bagaimanapun, paras ini masih lagi di bawah kadar tertinggi 9% yang dialami ketika krisis ekonomi dahulu.

Bagi mengukuhkan lagi pasaran modal, usaha-usaha telah diambil untuk menyatukan industri pembrokeran saham. Sehingga akhir Ogos 2001, tujuh buah syarikat broker saham telah mencapai persetujuan untuk mengambilalih atau bergabung dengan tiga syarikat lain. Tambahan pula, sebagai langkah untuk meningkatkan komunikasi dengan pelabur dan untuk menangani salah tanggapan terutamanya oleh pelabur asing, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah menubuhkan pasukan komunikasi antarabangsa untuk menyebarkan maklumat yang tepat, terkini dan lengkap tentang pasaran ekuiti. Levi repatriasi sebanyak 10% yang dikenakan ke atas keuntungan portfolio dalam tempoh setahun telah ditarik balik pada 2 Mei 2001 berikutan situasi pasaran ekuiti yang bertambah baik. Dengan ini, semua bentuk kawalan ke atas modal pelaburan portfolio dimansuhkan sepenuhnya.

Membangunkan Perkongsian Strategik

Bagi memastikan pengekelan daya saing dan daya tahan kekal dalam konteks pasaran tanpa sempadan, adalah penting diwujudkan perkongsian strategik dengan peserta antarabangsa dan global dalam sektor perkhidmatan terutamanya pelabuhan, lapangan terbang, telekomunikasi dan ICT. Perikatan dan perkongsian strategik adalah penting dalam mendapatkan kemahiran teknologi dan pengurusan yang lebih tinggi melalui pemindahan teknologi dan pelaburan dalam sumber manusia oleh rakan kongsi luar. Perkongsian pintar juga dapat memperluaskan pasaran dalam negeri melalui peningkatan capaian ke pasaran antarabangsa yang disediakan oleh jalinan pasaran dan peserta rangkaian global. Pada tahun ini, beberapa perbincangan telah diadakan bagi mengenalpasti rakan kongsi strategik untuk pengendali lapangan terbang Malaysia dan juga syarikat penerbangan nasional. Dalam hal ini, Schipol International B.V. of Holland telah mengadakan satu Memorandum Persefahaman untuk memiliki ekuiti dalam Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB). Malaysia Airlines (MAS) juga telah memperolehi kepakaran pengurusan asing untuk menerajui usaha membaik pulih operasinya. Pelabuhan Barat di Pelabuhan Kelang yang merupakan pelabuhan utama negara, dijangka memperolehi manfaat sinergi melalui pegangan ekuiti sebanyak 30% oleh Hutchinson Whampoa. Begitu juga dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor, yang menjual 30% daripada ekuitinya kepada Maersk Sealand, dijangka memperolehi manfaat daripada peningkatan pengendalian kargo.

Memperbaiki Urus Tadbir Korporat

Usaha ke arah meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti terus diambil untuk memulihkan keyakinan pelabur. Sehingga Julai, daripada 70 perakuan untuk urus tadbir korporat yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kewangan mengenai Urus Tadbir Korporat, 29 perakuan atau 41% telah dilaksanakan. Bagi memastikan pelaksanaannya lancar dan berkesan, Pasukan Pelaksanaan Projek yang terdiri daripada wakil

Kementerian Kewangan, BNM, Pendaftar Syarikat dan KLSE telah ditubuhkan. Undang-undang dan peraturan telah disemak dan dikemaskinikan secara berterusan untuk membaiki urus tadbir korporat.

Selain itu, syarat-syarat penyenaraian KLSE telah diperkemaskan pada 22 Januari bagi menangani, antara lain, isu urus tadbir korporat. Secara khususnya, bidang yang diberikan penekanan ialah syarat-syarat mengenai laporan tahap pematuhan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, penzahiran pengarah mengenai keadaan kawalan dalaman, kebebasan lembaga pengarah dan akreditasi wajib. Pengarah syarikat awam tersenarai juga dikehendaki menghadiri program latihan yang telah ditetapkan sebagai prasyarat untuk terus disenaraikan, bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan profesionalisme mereka. Dalam pada itu, Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti, terdiri daripada KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Persatuan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), telah juga ditubuhkan, bertujuan bagi menggalakkan penglibatan proaktif pemegang saham dalam syarikat awam tersenarai.

Menghapuskan Kerenah Birokrasi

Kerajaan terus meningkatkan usaha untuk menghapuskan kerenah birokrasi sebagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan dan penyempurnaan projek bagi tujuan mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan juga memperbaiki penyaluran barangan dan perkhidmatan awam. Dalam konteks ini, satu pasukan petugas di Kementerian Kewangan telah ditubuhkan untuk mengawal selia kemajuan, mengenalpasti dan menangani masalah dalam usaha untuk memastikan semua langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 dilaksanakan dengan lancar. Satu Flying Squad juga ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi memastikan kedua-dua pembangunan sektor awam dan projek yang diswastakan berjalan seperti mana yang dijadualkan.

URUS TADBIR KORPORAT : PERKEMBANGAN TERKINI

Pengenalan

Kepentingan urus tadbir korporat yang baik semakin diakui seluruh dunia, khususnya dalam konteks meningkatkan keyakinan pelabur. Pada amnya, pelaburan akan mengalir masuk ke negara-negara yang mengamalkan urus tadbir korporat yang boleh dipercayai. Dengan persaingan sengit bagi pelaburan, amalan urus tadbir korporat yang baik tidak dapat diketepikan. Begitu juga dalam negeri, amalan urus tadbir korporat yang baik akan turut meningkatkan keyakinan pelabur tempatan yang seterusnya akan menarik lebih banyak sumber pembiayaan yang stabil bagi industri dan pasaran modal. Baru-baru ini, satu kajian yang dijalankan ke atas pasaran baru muncul telah menunjukkan terdapat hubungan rapat antara urus tadbir korporat dan prestasi harga saham.

Usaha-usaha untuk menangani isu urus tadbir korporat di Malaysia telah dimulakan sebelum tercetusnya krisis kewangan Asia. Namun begitu, krisis tersebut telah menjadi pemangkin untuk mempercepatkan pembaharuan dalam urus tadbir korporat. Satu Jawatankuasa Kewangan peringkat tinggi telah ditubuhkan pada tahun 1998, yang dianggotai oleh wakil-wakil dari kerajaan dan industri. Jawatankuasa tersebut dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan rangka kerja bagi urus tadbir korporat serta menggariskan amalan terbaik bagi industri.

Memahami Urus Tadbir Korporat

Tidak terdapat satu takrif yang standard bagi urus tadbir korporat. Laporan Jawatankuasa Kewangan mentakrifkan "Urus tadbir korporat sebagai proses dan struktur untuk mengurus perniagaan dan hal-ehwal syarikat bagi meningkatkan keuntungan perniagaan serta tanggungjawab korporat, dengan objektif utama untuk menghasilkan nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengeneipkan kepentingan pihak lain."

Urus tadbir korporat adalah berdasarkan beberapa prinsip yang boleh dilaksanakan sedunia seperti ketelusan, akauntabiliti, kesaksamaan dan tanggungjawab. Pelaksanaan urus tadbir korporat lazimnya merupakan gabungan pengawalseliaan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan pengawalseliaan diri oleh pasaran. Didapati bahawa pengawalseliaan undang-undang semata-mata tidak dapat merangsangkan urus tadbir korporat yang berkesan. Inisiatif urus tadbir korporat lazimnya akan mendapat sokongan jika bermula dari bawah ke atas dan bukannya dari atas ke bawah.

Laporan Jawatankuasa Kewangan Urus Tadbir Korporat

Jawatankuasa Kewangan Urus Tadbir Korporat telah mengeluarkan Laporan Urus Tadbir Korporat pada bulan Mac 1999, yang mengandungi 70 cadangan. Tumpuan pembaharuan berkisar kepada usaha mengukuhkan pengaruh pemegang saham minoriti, meningkatkan fungsi lembaga syarikat awam tersenarai, memantapkan pelaksanaan pengawalseliaan dan menggalakkan tahap urus tadbir korporat yang tinggi melalui latihan dan pendidikan. Cadangan utama Laporan Jawatankuasa Kewangan menjurus kepada pelaksanaan pembaharuan perundangan di samping pengenalan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia serta memudahkan latihan dan pendidikan di semua peringkat dan menggalakkan penyertaan aktif pemegang saham minoriti.

Satu Pasukan Pelaksanaan Projek (IPT) telah ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan untuk mengetuai dan menyelia pelaksanaan cadangan laporan ini. Jawatankuasa Kewangan pula akan memantau kemajuan IPT bagi memastikan kepentingan sektor awam dan swasta diimbangi ketika menangani pelbagai isu pelaksanaan. Terdapat kemajuan ketara dalam pelaksanaan cadangan laporan tersebut, khususnya dari segi keperluan penzahiran dan peningkatan tahap urus tadbir korporat serta perlindungan pelabur.

■ Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia

Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia telah dikeluarkan pada bulan Mac 2000. Kod ini bertujuan menggariskan amalan terbaik urus tadbir korporat. Walaupun pematuhan kod ini adalah secara sukarela, namun ianya terikat dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang mewajibkan penzahiran atas tahap pematuhan prinsip dan amalan terbaik.

■ Pembaharuan Perundangan dan Pengawalseliaan

Pindaan kepada undang-undang sekuriti telah dibuat untuk meningkatkan penzahiran pasaran utama, berkuatkuasa 1 Julai 2000. Pindaan tersebut telah menggariskan dan memperkemas tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat berkaitan prospektus, dan ini telah menghasilkan ketentuan yang lebih tinggi dari segi perundangan dan pengawalseliaan dalam penawaran awam sekuriti.

Pindaan lanjut telah dicadangkan terhadap undang-undang sekuriti dan syarikat. Antara pindaan yang dicadangkan termasuklah mewajibkan juruaudit melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang sekuriti yang disyaki, mengkanunkan tugas-tugas utama pengarah serta menyediakan peruntukan untuk menghadkan hak pemegang saham utama untuk mengundi dalam kes-kes yang melibatkan urus niaga pihak berkaitan. Langkah-langkah tersebut kini sedang dilaksanakan.

Keperluan Penyenaraian BSKL yang telah dipinda telah dikeluarkan pada 22 Januari 2001, bertujuan untuk mempertingkatkan tahap urus tadbir korporat dan perlindungan pelabur. Peruntukan baru telah diperkenalkan, sementara peruntukan yang sedia ada diperkukuhkan bagi perkara berkenaan dengan penzahiran, kawalan dalaman, keperluan penyenaraian berterusan, pelaporan kewangan dan perlindungan pemegang saham minoriti.

■ Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti

Satu Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti telah ditubuh untuk menggalakkan penyertaan proaktif pemegang saham dalam syarikat awam tersenarai. Ianya dianggotai oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), yang mewakili dana institusi terbesar dalam negara. Badan Pengawas ini bertujuan untuk menggunakan kemampuan pelabur institusi yang besar tetapi merupakan minoriti untuk memantau syarikat di mana pelaburan telah dibuat dan memperkenalkan perubahan apabila perlu. Badan Pengawas ini dijangka mula beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi.

■ Latihan Dan Pendidikan

Pindaan telah dibuat kepada Keperluan Penyenaraian BSKL bagi memperkenalkan pentauliahan pengarah syarikat awam tersenarai sebagai satu pra-syarat untuk penyenaraian awam berterusan. Sebagai langkah untuk meningkatkan tahap kecekapan dan profesionalisme di kalangan pengarah syarikat awam tersenarai, mereka dikehendaki mengikuti program latihan yang telah ditentukan. Dalam hal ini, Institut Urus Tadbir Korporat Malaysia (MICG) kini sedang menjalankan latihan dan pendidikan bagi para pengarah serta setiausaha syarikat, juruaudit dan pelabur berkaitan urus tadbir korporat.

■ Pelan Induk Pasaran Modal

Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) yang dikeluarkan pada bulan Februari 2001 menggariskan secara menyeluruh kedudukan strategik pasaran modal negara bagi 10 tahun yang akan datang. Terdapat 10 cadangan daripada 152 dalam CMP yang berkait langsung dengan urus tadbir korporat. CMP memperkembangkan cadangan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan memperluaskan lagi agenda pembaharuan urus tadbir korporat dalam beberapa bidang utama berkaitan penzahiran

maklumat korporat yang berketepatan masa dan tepat, tanggungjawab pengarah syarikat, pengawal kewangan dan pengurusan syarikat di samping mengukuhkan fungsi juruaudit, menggalakkan penyertaan pelabur institusi yang lebih dalam urus tadbir korporat serta menggalakkan sikap penyertaan secara aktif di kalangan pemegang saham. Seterusnya, CMP memperkukuhkan agenda urus tadbir korporat sebagai pendekatan strategik untuk meningkatkan keyakinan pelabur serta memajukan pasaran modal yang cekap dan berdaya saing.

Kesimpulan

Isu urus tadbir korporat perlu ditangani, terutamanya dalam konteks pelabur yang didorong oleh sentimen dan persepsi dan bukannya asas-asas ekonomi. Isu ini semakin penting dengan integrasi dan dinamisme pasaran kewangan global di mana aliran dana yang besar dapat dipindahkan ke seluruh dunia secara mudah dan pantas dengan perkembangan teknologi. Walaupun kemajuan yang nyata telah dicapai dalam urus tadbir korporat, syarikat-syarikat perlu mengambil langkah bagi membuat pembaharuan dan menyesuaikan amalan urus tadbir korporat demi menghadapi cabaran baru serta merebut peluang. Sementara Kerajaan terus komited terhadap peningkatan urus tadbir korporat dan telah serta akan terus mengambil langkah untuk mempercepatkan agenda urus tadbir korporat ke arah memajukan pasaran modal negara sebagai pusat pilihan utama untuk memperolehi dana di samping menarik pelaburan asing.

Bagi mengurangkan lagi kerenah birokrasi dan selaras dengan perlunya kuasa kewangan yang lebih besar diberi kepada kementerian dan agensi, lembaga tender di peringkat kementerian dan jabatan boleh meluluskan sehingga RM50 juta tender untuk kerja dan RM30 juta tender untuk bekalan dan perkhidmatan. Lembaga tender juga dibenar meluluskan tender terhad sehingga RM5 juta. Bagi sebut harga, penurunan kuasa telah diberi kepada kementerian untuk meluluskan sebut harga sehingga RM200,000. Bagi badan berkanun, had kelulusan untuk tender yang diberi bagi semua bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja telah dinaikkan kepada RM100 juta sementara untuk tender terhad, mereka diberi kuasa meluluskan sehingga RM10 juta.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek dan mengurangkan proses, kerajaan melantik perunding pengurusan projek (PMCs) untuk menyelia projek sektor awam. Projek-projek juga ditawarkan secara turnkey dan berdasarkan design-and-build bagi memendekkan masa pemprosesan dan penyempurnaannya

Dalam usaha untuk mempercepatkan bayaran, kementerian dan agensi dikehendaki membayar

sekurang-kurangnya 50% daripada nilai tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan tersebut dikemukakan. Bayaran penuh akan dibuat dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan dokumentasi lengkap sebagaimana yang dikehendaki dalam kontrak. Untuk projek yang dilaksanakan melalui PMCs, mereka dibenarkan menyerahkan tuntutan secara terus kepada Jabatan Akauntan Negara, dan bayaran akan dibuat dalam tempoh 10 hari. Bagi memudahkan projek bermula, semua kontraktor yang melaksanakan projek kerajaan diberi bayaran pendahuluan sebanyak 15%, sementara bagi yang melaksanakan projek kecil di bawah pakej pre-emptive, bayaran pendahuluan sehingga 75% dibenarkan.

Kerajaan juga melaksanakan proses penyediaan belanjawan dwi-tahunan bagi Belanjawan 2002-2003 bertujuan meningkatkan kecekapan dalam penyediaan dan pemeriksaan belanjawan tahunan. Sistem dwi-tahunan ini akan meningkatkan kecekapan perancangan bagi penggunaan peruntukan dan pelaksanaan program di samping membolehkan lebih banyak usaha ditumpukan kepada pemantauan dan penilaian projek.

Meneruskan Agenda Masyarakat Penyayang.

Seperti tahun-tahun lepas, Belanjawan 2001 menggabungkan polisi masyarakat penyayang sebagai agenda nasional selaras dengan keprihatinan Kerajaan kepada keperluan masyarakat kurang bernasib baik. Sehubungan ini, Kerajaan telah meningkatkan lagi usaha bagi memastikan agihan kekayaan dan faedah yang lebih seimbang serta mengelakkan terpinggirnya golongan kurang bernasib baik. Justeru itu, peruntukan yang lebih besar telah disalurkan kepada program-program yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin, meningkatkan kecapaian penduduk di kawasan luar bandar kepada kemudahan awam, menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan kesihatan luar bandar dan juga menambah peluang untuk mendapat pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik.

Sebagai mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan, Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Dengan penubuhan Kementerian ini, isu dan masalah yang spesifik kepada wanita, termasuk kanak-kanak dan kekeluargaan, diberi tumpuan dan perhatian yang lebih berat. Sejak penubuhannya, kejayaan ketara yang dicapai adalah pindaan kepada artikel 8(2) Perlembagaan Negara untuk memasukkan perkataan 'gender' supaya tiada lagi sebarang undang-undang atau polisi yang mendiskriminasikan wanita. Kementerian tersebut juga melancarkan kempen Wanita Anti Keganasan atau WAVE pada Julai 2001, yang bertujuan untuk menghentikan sebarang keganasan terutamanya keganasan terhadap wanita. Usaha berterusan juga diambil untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan sosial dan ekonomi di negara ini di samping membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang berketrampilan, dibina oleh keluarga yang berdaya tahan, beretika, sihat, berpengetahuan dan berharmoni.

Serangan ke atas AS

- - - Mengurus dalam keadaan Ketidaktentuan

Berikutan serangan ke atas AS, prospek keseluruhan ekonomi global menjadi semakin tidak menentu. Serangan tersebut bukan sahaja

mengubah prospek untuk pemulihan awal, tetapi juga meningkatkan risiko ekonomi AS ke arah kemelesetan. Sebagai sebuah kuasa terbesar ekonomi di dunia yang menyumbang lebih kurang satu perlima daripada keluaran dan eksport dunia, kesan ekonomi AS terhadap negara industri utama dan seluruh dunia adalah besar.

Sebelum serangan tersebut pun, telah terdapat banyak bukti tentang kelembapan berpanjangan ekonomi dunia, terutamanya penurunan mendadak pertumbuhan keluaran bagi tiga blok ekonomi utama, iaitu AS, Jepun dan kawasan euro. Penurunan dalam pengeluaran pekilangan di AS didapati berterusan, pasaran ekuiti semakin tidak menentu, kadar pengangguran semakin meningkat dan sentimen perniagaan semakin merosot. Pada masa yang sama, Jepun, sebagai ekonomi kedua terbesar, tidak menunjukkan sebarang tanda pemulihan. Permintaan penggunaan yang berkurang, sektor luaran yang lemah dan penstrukturan sektor kewangan dan korporat yang lembab, telah mengakibatkan penguncupan pertumbuhan pengeluaran Jepun. Prospek kawasan euro menjadi semakin pesimis dengan Jerman, sebagai ekonomi terbesarnya, mengalami penurunan yang semakin teruk, terutamanya dalam sektor industri. Pasaran buruh yang ketat dan halangan dasar monetari Bank Pusat Eropah (ECB) juga menyumbang kepada situasi yang semakin pesimis.

Akibat daripada serangan di AS, pasaran ekuitinya terjejas teruk di mana indeks Dow Jones menjunam 684.8 mata untuk ditutup di bawah paras 9,000 mata, kejatuhan sehari yang paling besar pernah dicatatkan, apabila pasaran dibuka semula pada 17 September. Terdapat juga penjualan besar-besaran di seluruh bursa utama dan pasaran kewangan. Pada hari serangan ke atas AS, pasaran saham seluruh dunia menjunam, di mana antaranya indeks DAX jatuh sebanyak 8.5%, kejatuhan terbesar dalam sehari dan indeks FTSE 100 turun sebanyak 5.7%, iaitu kejatuhan terbesar dalam sehari sejak 1987. Indeks Nikkei yang telah pun jatuh ke paras terendah dalam tempoh 17 tahun kepada 10,196 mata pada 10 September, merosot lagi sebanyak 5.7% kepada paras terendah yang baru iaitu 9,610.1 mata pada 11 September. Bursa-bursa utama yang lain, seperti Hang Seng dan indeks STI juga merosot sebanyak 8.9% dan 7.4%. Begitu juga

indeks di Taiwan, Thailand dan Kuala Lumpur jatuh di antara 3.8% dan 6.7% apabila pasaran dibuka semula pada 13 September.

Dolar AS telah mengalami tekanan yang lebih besar apabila pelabur menukarkannya kepada mata wang yang lebih selamat. Nilai dolar telah merosot berbanding euro dan yen semenjak Julai tahun ini, berpunca daripada perubahan tanggapan bahawa pendirian AS tentang dasar strong dollar telah kendur dan juga sentimen pelabur yang semakin lemah seperti yang digambarkan oleh kejatuhan pasaran saham AS. Semenjak serangan tersebut, nilai dolar semakin susut, merosot sebanyak 2.4% dan 2.5% berbanding yen dan euro pada 27 September. Sebagai tindak balas kepada perkembangan yang kurang memberangsangkan ini, pentadbiran AS telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal kemelesetan sentimen pelabur dan keyakinan pengguna dan juga membendung kejatuhan seterusnya dalam pasaran ekuiti. US Fed telah menyuntik kecairan ke dalam sistem kewangan dan menurunkan lagi kadar faedah. US Congress telah meluluskan peruntukan fiskal sebanyak USD40 bilion untuk pembinaan semula, khidmat bantuan dan keselamatan. Pakej penyelamat daripada kebangkrutan sebanyak USD15 bilion telah diluluskan bagi membantu syarikat penerbangan.

Pihak berkuasa kewangan di negara-negara lain juga telah mengambil beberapa langkah untuk membendung dan mengurangkan impak kepada ekonomi mereka selaras dengan tindakan AS. Tindakan berkoordinasi telah diambil oleh bank-bank pusat utama bagi menurunkan kadar faedah untuk memulihkan keyakinan. ECB telah menurunkan kadar repo sebanyak 50 mata asas kepada 3.75% manakala Bank Of Japan (BOJ) pula menurunkan kadar diskaun sebanyak 15 mata asas kepada 0.10%. Tambahan pula, dengan dolar AS semakin susut berbanding mata wang utama lain, berkemungkinan akan ada campur tangan bersama di kalangan pihak berkuasa G7 terhadap tukaran asing, terutamanya jika berlaku ketidakpastian yang keterlaluan.

Di samping memberi kesan ke atas ekuiti global, pasaran kewangan dan juga ekonomi benar, serangan 11 September telah turut membantutkan usaha sejagat dalam bidang kerjasama

kewangan antarabangsa. Tumpuan masyarakat antarabangsa berubah ke arah menangani isu berkaitan keselamatan, memerangi keganasan dan mengambil langkah-langkah pemulihan awal bagi mengatasi kemerosotan suasana ekonomi global. Beberapa mesyuarat antarabangsa seperti Mesyuarat Bank Dunia, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan juga Mesyuarat Komanwel peringkat Menteri-menteri Kewangan dan Ketua-ketua Kerajaan samada telah dibatalkan atau ditunda. Dengan penundaan ini, kemajuan dalam menangani isu-isu kewangan antarabangsa yang menjadi agenda negara-negara membangun seperti usaha membentuk semula arkitektur kewangan antarabangsa, meningkatkan sokongan kepada negara kurang maju (LDCs) melalui bantuan bayaran hutang, penyamarataan perdagangan untuk pembangunan, memerangi kegiatan pengubahan wang haram, mengukuhkan urus tadbir korporat dan inisiatif-inisiatif lain yang dirancang mungkin terjejas. Perkembangan berikutan peristiwa ini telah mewujudkan ketidakpastian terhadap usaha selanjutnya untuk meluaskan perbincangan inisiatif pakatan, termasuk kemungkinan menghalang peluang negara membangun mengutarakan isu-isu penting, terutamanya yang berhubung dengan sistem perdagangan pelbagai hala di Mesyuarat Keempat Pertubuhan Perdagangan Dunia Peringkat Menteri yang dijadualkan pada November 2001 di Doha, Qatar. Kelewatan ini mungkin menyebabkan implikasi yang lebih mendalam kepada negara-negara membangun.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka di mana perdagangan merupakan lebih 200% daripada KDNK, ekonomi Malaysia juga mendapat kesan negatif oleh perkembangan luaran ini. Jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2001 yang telah disemak semula dalam bulan Mac daripada anggaran Belanjawan 2001, sebanyak 7.5% kepada 5-6%, telah disemak lagi kepada 1-2% berikutan perkembangan terbaru di AS.

Bagaimanapun, asas ekonomi Malaysia yang kukuh terus membolehkan dasar yang cukup fleksibel disediakan untuk melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan pertumbuhan bagi merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri tanpa menjejaskan prospek pertumbuhan negara yang mapan dalam jangka pertengahan dan jangka

panjang. Akaun semasa imbalan pembayaran negara terus mencatatkan lebihan yang tinggi sejak 1998. Rizab luar yang stabil pada paras yang tinggi adalah mencukupi untuk membiayai 4.6 bulan import tertangguh dan 6.2 kali liabiliti jangka pendek, sementara hutang luar kekal rendah dan inflasi adalah terkawal.

Sebagai tindak balas segera Kerajaan kepada perkembangan negatif sektor luaran dan dengan tujuan untuk membendung dan meminimumkan kemungkinan kesan limpahan serta-merta, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan sebanyak RM4.3 bilion pada 25 September 2001. Selain daripada menambah rangsangan kepada aktiviti ekonomi dalam negara, pakej ini juga bertujuan untuk mengurangkan kesan terhadap golongan miskin dan kurang bernasib baik dalam masyarakat daripada kesan kelembapan ekonomi, menjana perniagaan dan peluang pendapatan kepada usahawan kecil dan juga memberi latihan kemahiran. Peruntukan terbesar yang berjumlah RM1 bilion disediakan untuk projek kecil di luar bandar dan kawasan bandar terpilih yang antara lain termasuklah pembinaan dan menaik taraf jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik serta projek-projek kemasyarakatan. Selain itu, makmal komputer juga akan dibina di 2,000 buah sekolah, sementara kerja-kerja penyenggaraan bagi bangunan dan kemudahan kerajaan akan ditingkatkan. Pakej tersebut juga termasuk mengganda kadar semasa untuk bayaran kebajikan, elaun bulanan untuk pemegang ijazah dan diploma untuk mempelajari IT, matematik dan bahasa serta mempromosikan pelancongan.

Dasar monetari terus membantu meneguhkan lagi rangsangan fiskal bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Amalan pendirian kewangan yang lebih mudah akan terus dipantau mengikut perkembangan dalam dan luar negara. Berikutan daripada potongan kepada kadar faedah di AS, BNM telah mengurangkan kadar campurtangan 3-bulan pada 20 September kepada 50 mata asas iaitu kepada 5%. Pengurangan ini merupakan potongan pertama oleh BNM dalam tempoh lebih dua tahun dan selaras dengan tindakan yang diambil oleh beberapa bank pusat lain, berikutan persekitaran luaran yang semakin buruk. Ia juga bertujuan untuk memperbaiki sentimen perniagaan dalam negeri dan keyakinan pengguna untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Dalam jangka sederhana, kesan terhadap prospek pemulihan masih tidak menentu dengan munculnya perkembangan-perkembangan terbaru. Bagi Malaysia, persekitaran luar yang menyukarkan ini muncul ketika negara berada dalam tahun pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), 2000-2010 dan Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005. Untuk mencapai objektif jangka panjang wawasan 2020 ke arah mencapai status negara maju, kedua-dua pelan mengunjurkan pertumbuhan purata KDNK pada 7.5% setahun. Bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih perlahan pada 1-2% tahun ini dan pemulihan sederhana pada kadar 4-5% yang dijangka pada tahun hadapan, memerlukan usaha yang lebih gigih dilaksanakan untuk mendapatkan semula momentum yang telah hilang semenjak dua tahun pertama Rancangan. Dengan asas ekonomi sedia ada yang kukuh, prospek bagi meningkatkan pertumbuhan KDNK masih meyakinkan. Krisis kewangan Asia menunjukkan bahawa walaupun ekonomi menghadapi kemelesetan paling teruk dengan penguncupan sebanyak 7.4% pada 1998, Malaysia berupaya pulih dengan yakin pada tahun-tahun berikutnya, dengan kadar pertumbuhan 6.1% pada 1999 dan 8.3% pada 2000, yang demikian berjaya mencapai sasaran pertumbuhan 7.5% menepati Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).

Kesimpulan

Perkembangan terbaru di AS telah mengakibatkan keadaan yang semakin tidak menentu. Prospek pemulihan awal dalam ekonomi AS dan global pada amnya, semakin menyukarkan. Sehubungan ini, Kerajaan akan sentiasa memantau dan menilai perkembangan sektor luar dan impaknya terhadap ekonomi. Langkah-langkah tambahan dengan asas untuk menggalakkan pertumbuhan melalui pengukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing akan diambil untuk membendung dan meminimumkan sebarang kesan limpahan ke atas ekonomi, justeru, mengelakkan kemerosotan seterusnya dalam pertumbuhan negara. Dengan asas ekonomi yang teguh disertai dengan dasar tindak balas yang fleksibel dan pragmatik, negara akan berupaya kembali ke landasan pertumbuhan yang lebih kukuh.